



ASM 2 Wawasan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2023

NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 APRIL 2023

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus Induk bertarikh 1 Februari 2020 (PI) dan Prospektus Induk Tambahan Pertama (PITP) bertarikh 20 Oktober 2021 telah dikemas kini melalui Prospektus Induk Tambahan Kedua yang bertarikh 1 April 2023 (PITKD). Kemas kini yang dilakukan di dalam PI dan PITP adalah seperti berikut:

- 1) Kemas kini definisi berkenaan "*Cooling-off Right*" dan "*Eligible Market*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 2) Penambahan definisi berkenaan "*Distribution Channel*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 3) Kemas kini berkenaan "*Had dan Sekatan Pelaburan*" di bawah "*Informasi Tabung*";
- 4) Kemas kini berkenaan "*Komisen Ringan*" di bawah "*Fi, Caj dan Perbelanjaan*";
- 5) Kemas kini berkenaan "*Pembelian Dana / Pelaburan Permulaan Minimum / Pelaburan Penambahan dan Pelaburan Maksimum*", "*Jualan Balik Dana*" dan "*Pelaburan Balik bagi Dana Berubah-Ubah*" di bawah "*Butir-butir Transaksi*";
- 6) Kemas kini berkenaan "*Tempoh Bertenang*" untuk memberi kejelasan dan kefahaman yang lebih baik kepada Pemegang Unit di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 7) Kemas kini berkenaan "*Hebahan Maklumat kepada Pemegang Unit*" di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 8) Penambahan berkenaan "*Situasi-situasi Penamatan*" bagi Dana Unit Amanah di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 9) Senarai surat ikatan tambahan yang telah dikemas kini di bawah "*Senarai Surat Ikatan yang dimeterai antara Pengurus dan Pemegang Amanah*";
- 10) Maklumat mengenai pelantikan baharu Encik Muzaffar bin Othman sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "*Latar Belakang Pengurus*";
- 11) Kemas kini profil pengurus bagi Dana Unit Amanah di bawah "*Pengurus Pelaburan bagi Dana Unit Amanah*";
- 12) Kemas kini berkenaan "*Hak dan Liabiliti bagi Pemegang Unit*" di bawah "*Terma-terma Penting bagi Surat Ikatan*";
- 13) Kemas kini berkenaan "*Mesyuarat Secara Maya bagi Pemegang Unit*" di bawah "*Mesyuarat Pemegang Unit*";
- 14) Kemas kini berkenaan "*Pengecualian dan Variasi*" yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk Dana Harga Tetap dan Dana Harga Berubah-Ubah di bawah "*Kelulusan dan Syarat*";
- 15) Kemas kini pernyataan berkenaan "*Transaksi Pihak Berkaitan yang Berpotensi dan Sedia Ada*" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*";
- 16) Penambahan berkenaan "*Konflik Kepentingan*" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*";
- 17) Kemas kini pernyataan berkenaan "*Polisi Pengurusan Konflik Kepentingan*" di bawah "*Transaksi Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan*"; dan
- 18) Kemas kini senarai ejen ASNB.

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PITKD ini boleh diperolehi di laman web ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@pnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	7
4. PENYATA PENGURUS	13
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	14
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASM 2 WAWASAN	15
7. PENYATA KEWANGAN	16
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2023	16
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2023	17
7.3 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2023	18
7.4 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Ogos 2023	19
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	28
9. MAKLUMAT KORPORAT	30

LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 – WAWASAN
("ASM 2 WAWASAN")



ASM 2 Wawasan

Pemegang-pemegang unit ASM 2 Wawasan yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASM 2 Wawasan dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASM 2 Wawasan bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASM 2 WAWASAN	Aset Campuran	Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASM 2 Wawasan adalah untuk memberi kadar pulangan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit menerusi pelaburan dalam portfolio terpilih yang terdiri daripada pelaburan yang dibenarkan.

Nota: ASM 2 Wawasan bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garis Panduan Dana Unit Amanah.

1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASM 2 Wawasan menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Sumber: www.maybank2u.com.my

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASM 2 Wawasan akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Ogos 2023, seramai 914,008 individu telah menyertai ASM 2 Wawasan. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	612,270	66.99	598,856,360.98	2.61
5,001 hingga 10,000	64,534	7.06	460,917,970.97	2.01
10,001 hingga 50,000	156,070	17.08	3,785,003,179.23	16.49
50,001 hingga 500,000	75,797	8.29	9,641,002,465.55	42.01
500,001 dan ke atas	5,337	0.58	8,463,564,131.13	36.88
JUMLAH	914,008	100.00	22,949,344,107.86	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

A. Perumpukan Aset Bagi ASM 2 Wawasan Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos (%)		
	2023	2022	2021
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	7.70	7.95	11.56
Barangan Bukan Asasi Pengguna	3.68	3.05	3.66
Barangan Asasi Pengguna	6.43	6.75	6.07
Tenaga	2.49	2.00	4.21
Kewangan	28.69	27.87	24.64
Penjagaan Kesihatan	1.48	1.57	1.44
Perindustrian	7.23	7.40	6.73
Teknologi Maklumat	6.06	5.00	3.32
Bahan Asas	2.08	2.59	4.35
Hartanah	9.41	8.99	5.94
Utiliti	9.64	8.93	10.57
Jumlah	84.89	82.10	82.49
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Skim Pelaburan Kolektif Yang Disenaraikan	2.68	2.10	1.89
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	8.02	9.23	9.95
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	4.41	6.57	5.67
Jumlah	100.00	100.00	100.00

B. Senarai 20 Pelaburan Terbesar dari segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Tabung:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1.	Malayan Banking Berhad	14.22
2.	CIMB Group Holdings Berhad	6.63
3.	Tenaga Nasional Berhad	5.26
4.	Sime Darby Plantation Berhad	3.74
5.	Terbitan Pelaburan Kerajaan (Bon)	2.86
6.	PNB Real Estate 1 LLC USD	2.38
7.	Petronas Gas Berhad	2.34
8.	PNB Capital LLC USD	1.93
9.	Axiata Group Berhad	1.78
10.	Gamuda Berhad	1.76
11.	Telekom Malaysia Berhad	1.74
12.	Public Bank Berhad	1.67
13.	AMMB Holdings Berhad	1.59
14.	PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd.	1.48
15.	CelcomDigi Berhad	1.44
16.	PNB Real Estate 1 LLC EUR	1.42
17.	IJM Corporation Berhad	1.28
18.	Maxis Berhad	1.28
19.	IOI Corporation Berhad	1.18
20.	Sime Darby Berhad	1.08

Nota : *Bagi perkara (B) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.*

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Kewangan:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
	2023	2022	2021
Unit Dalam Edaran (Juta)	23,124.10	23,533.10	23,031.10
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.50	3.75	4.00
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	1,055.41	882.25	919.06
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 September 2023	1 September 2022	1 September 2021
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	0.19	0.63	0.67
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.27	0.27	0.45

Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASM 2 Wawasan yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASM 2 Wawasan untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022 adalah ketara disebabkan oleh ASM 2 Wawasan mendapat pengecualian separa yuran pengurusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASM 2 Wawasan untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Tiada perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022.

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023, ASM 2 Wawasan telah memperuntukkan sejumlah RM1,055,408,030 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 4.50 sen seunit.

2.4 PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASM 2 Wawasan adalah seperti berikut:

	31 Ogos 2023		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	4.50	4.08	4.25
Penanda Aras (%)	2.82	2.21	2.50

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan Jumlah Purata Pulangan adalah seperti berikut:-
 - (a) Pulangan 1 tahun = i_t
Di mana, i = pengagihan pendapatan ; t = tahun semasa
 - (b) Pulangan 3 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2}}{3} \right]$
 - (c) Pulangan 5 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}}{5} \right]$

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASM 2 Wawasan berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos				
	2023	2022	2021	2020	2019
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	4.50	3.75	4.00	4.00	5.00
Penanda Aras (%)	2.82	1.98	1.85	2.60	3.27

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023.

2.7 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASM 2 Wawasan tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.8 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASM 2 Wawasan. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.9 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASM 2 Wawasan ("Tabung") telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam memberi kadar pulangan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang, pelaburan kolektif dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Surat Ikatan Tabung. Tabung boleh melaburkan sehingga 90% daripada NAB pada kos dalam ekuiti dan selebihnya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, Tabung akan mengambil strategi mengikut kesesuaian pasaran.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Strategi pelaburan Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023 telah dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi dan prestasi pasaran modal domestik dan antarabangsa. Sepanjang tempoh tersebut, prestasi pasaran modal adalah sangat mencabar berikutan kenaikan kadar faedah oleh bank-bank pusat antarabangsa, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), berikutan risiko inflasi yang berpunca daripada gangguan rantaian bekalan dunia, ketegangan geopolitik dan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan. Konflik geopolitik antara Rusia dan Ukraine sejak bulan Februari 2022 juga telah menjadikan masalah kenaikan mendadak harga komoditi dunia lebih meruncing. Walau bagaimanapun, faktor lain seperti pembukaan berterusan sempadan antarabangsa telah memberikan sokongan kepada sentimen pasaran modal. Sehubungan dengan itu, strategi pelaburan Tabung telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti domestik dan antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang yang difikirkan wajar dan mampu memberi pulangan yang kompetitif bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

i. Ekuiti

Dalam persekitaran saham yang mencabar bagi pasaran domestik dan antarabangsa, pelaburan Tabung dalam ekuiti telah dilakukan secara selektif dalam sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kekuatan asas yang kukuh, prospek perniagaan yang mampan, dan juga kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi dan pasaran saham domestik dan antarabangsa. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan kepada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten.

(a) Domestik

Bagi ekuiti domestik, Tabung telah menggunakan strategi gabungan antara nilai dan pertumbuhan bergantung kepada situasi pasaran. Pengurus Pelaburan turut mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang mengalami kemeruapan untuk menjaga pulangan daripada penjualan saham. Antara sektor-sektor yang diberi tumpuan adalah sektor Barangan Pengguna dan Utiliti serta sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi dunia seperti sektor Perladangan dan Bahan Asas.

Pada masa yang sama, pelaburan dalam sektor-sektor yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif seperti sektor Kewangan dan Hartanah terutamanya sektor Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) turut diberi penekanan untuk memastikan Tabung mencapai pulangan yang mampan dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang tidak menentu dan mencabar.

(b) Antarabangsa

Untuk mempelbagaikan aset dalam portfolio, Tabung telah melabur dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang mempunyai kecairan yang lebih tinggi berbanding ekuiti domestik, dengan tujuan untuk menjaga pulangan yang lebih kompetitif dan mempelbagaikan risiko. Pelaburan antarabangsa difokuskan pada sektor Teknologi yang menjadi tumpuan berikutan kemajuan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI). Selain itu, Tabung turut melabur dalam sektor-sektor defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan (terutamanya segmen Farmaseutikal dan Teknologi Perubatan) dan sektor Barangan Asasi Pengguna bagi mengimbangi risiko portfolio. Selain itu, pelaburan taktikal turut dilaksanakan dalam sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pergerakan harga komoditi dunia, seperti sektor Tenaga dan Bahan Asas.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023, Tabung telah berusaha untuk mempelbagaikan pelaburan melalui pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap yang memberi pulangan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan.

Pelaburan Tabung dalam sekuriti berpendapatan tetap adalah tertumpu kepada bon terbitan korporat yang menjana kupon yang tinggi. Selain itu, Tabung turut melabur dalam sekuriti kerajaan seperti Malaysian Government Securities (MGS) yang mempunyai kecairan yang lebih tinggi berbanding bon korporat bagi membolehkan Tabung menjaga keuntungan modal.

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran wang domestik dan antarabangsa bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023, pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang baik disokong oleh pasaran buruh yang kekal baik dan kemunculan perkhidmatan AI yang telah menarik kembali perhatian pelabur terutamanya terhadap sektor Teknologi. Walaupun begitu, persekitaran ekonomi global masih lemah disebabkan oleh kenaikan kadar dasar monetari oleh bank-bank pusat antarabangsa secara agresif untuk mengawal inflasi, krisis perbankan yang berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah serta konflik

yang semakin meruncing di antara Rusia dan Ukraine. Sehubungan dengan itu, Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) telah mengunjurkan ekonomi global akan berkembang sebanyak 3.0% pada tahun 2023 dan juga pada tahun 2024.

Sejajar dengan itu, indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI ACWI telah mencatatkan kenaikan sebanyak +15.37%. Peningkatan dalam tempoh tinjauan turut dicatatkan oleh pasaran saham di negara-negara maju yang mempunyai komponen indeks yang tinggi dalam sektor berkaitan Teknologi, seperti Amerika Syarikat (Nasdaq, +26.31%), Jerman (DAX, +24.25%), Perancis (CAC 40, +19.45%) dan Jepun (TOPIX, +18.79%). Pasaran saham di negara membangun yang mempunyai komponen indeks yang tinggi dalam sektor Teknologi turut mendapat manfaat daripada sentimen positif, seperti Taiwan (TAIEX, +10.20%) dan Korea (KOSPI, +3.41%).

Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi China yang semakin perlahan akibat masalah hartanah dan hutang yang tinggi telah menyebabkan kejatuhan pasaran saham Hong Kong (HANG SENG, -7.88%) dan China (CSI 300, -7.69%). Sehubungan dengan itu, indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN turut menerima kesan daripada kelembapan ekonomi di China. Prestasi indeks tertinggi dicatat oleh Singapura (STI, +0.36%), manakala pasaran di negara-negara ASEAN lain mencatatkan penurunan iaitu Jakarta (JCI, -3.14%), diikuti oleh Thailand (SET, -4.45%) dan Filipina (PSEi, -6.20%).

Sementara itu, FBM KLCI telah mencatatkan penurunan sebanyak -3.98% untuk ditutup pada 1,451.94 mata berbanding 1,512.05 mata pada 30 Ogos 2022. Sentimen pasaran saham yang negatif telah dipengaruhi oleh peningkatan kadar faedah dan inflasi serta kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kelembapan ekonomi global. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023, FBM KLCI telah mencatatkan paras tertinggi pada 24 November 2022 dengan 1,501.88 mata dan paras terendah pada 13 Oktober 2022 dengan 1,373.36 mata.

Sektor-sektor yang telah mencatat peningkatan dalam tempoh tinjauan adalah Hartanah (+32.71%), Utiliti (+29.13%) dan Pembinaan (+16.15%). Sementara itu, sektor-sektor yang terjejas teruk adalah Produk Perindustrian (-5.74%), Perladangan (-3.67%) dan Telekomunikasi (-2.91%). Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan positif dalam tempoh tinjauan adalah CelcomDigi Bhd (+21.16%), Tenaga Nasional Berhad (+18.14%) dan CIMB Group (+9.53%). Pada masa yang sama, saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan ketara adalah Mr DIY Group (M) Berhad (-25.06%), Axiata Group Berhad (-17.64%) dan Petronas Chemicals Group Berhad (-15.83%).

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah merosot sebanyak -3.62% pada paras RM4.6385/USD pada 30 Ogos 2023 berbanding RM4.4763/USD pada 30 Ogos 2022. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit Malaysia telah didagangkan pada paras terendah iaitu RM4.7477/USD pada 4 November 2022, manakala paras tertinggi pula adalah RM4.2430/USD pada 30 Januari 2023. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh peningkatan agresif kadar polisi utama Amerika Syarikat bagi membanding kenaikan kadar inflasi serta pemulihan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan di mana China merupakan antara rakan dagang utama Malaysia.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia telah meningkat sebanyak 2.9% pada suku kedua tahun 2023 berbanding 5.6% pada suku pertama tahun 2023. Sektor Perkhidmatan, Pembinaan dan Pembuatan telah mencatatkan pertumbuhan pada suku kedua tahun 2023, manakala sektor Pertanian, Perlombongan dan Pengkuarian telah mencatatkan penurunan pada suku kedua tahun yang sama. Permintaan dalam negeri masih kukuh berdasarkan pertumbuhan perbelanjaan penggunaan akhir swasta sebanyak +4.3% (Suku pertama: +5.9%) dan pembentukan modal tetap kasar sebanyak +5.5% (Suku pertama: +4.9%).

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023, kadar inflasi global yang meningkat secara mendadak bermula pertengahan 2022 berikutan aktiviti pembukaan semula ekonomi pasca pandemik, telah mencapai kemuncaknya pada tahun ini dan mula menurun secara beransur-ansur. Hal ini disebabkan kenaikan dasar monetari secara agresif yang telah dilaksanakan oleh bank-bank pusat antarabangsa sejak tahun 2022. Namun begitu, kadar inflasi kekal melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh bank-bank pusat antarabangsa, terutamanya di negara-negara maju.

Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) secara keseluruhan telah menaikkan kadar faedah dasar sebanyak tujuh (7) kali daripada 2.50% kepada 5.50%, manakala bank pusat Eropah (European Central Bank) dan bank pusat England (Bank of England) telah menaikkan kadar faedah dasar masing-masing sebanyak lapan (8) kali daripada 0.50% kepada 4.25%, dan daripada 1.75% kepada 5.25%. Sehubungan dengan itu, pasaran bon global turut terjejas, dengan peningkatan hasil bon kepada paras yang tinggi, di mana paras tersebut kali terakhir telah dilihat semasa tempoh Krisis Kewangan pada tahun 2008-2009. Kadar hasil bon 10-tahun US Treasury yang berfungsi sebagai proksi untuk bon antarabangsa, telah meningkat kira-kira 85 mata asas daripada 3.26% kepada 4.11%, untuk mencatatkan jumlah pulangan sebanyak -3.57% (dalam terma US dollar).

Bagi pasaran Malaysia, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah dinaikkan tiga (3) kali sebanyak 75 mata asas oleh BNM daripada 2.25% kepada 3.00% dalam tahun kewangan. Walau bagaimanapun, dasar monetari masih kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi domestik. Kegiatan ekonomi yang meningkat dengan kadar pertumbuhan perbelanjaan domestik yang kekal baik terus menyokong momentum pertumbuhan ekonomi yang positif. Seajar dengan peningkatan OPR, kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan telah naik sebanyak 45 mata asas daripada 2.35% kepada 2.80%.

Di samping itu, kadar hasil MGS 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih rendah pada kadar 3.63% dan 3.84%, iaitu mengalami penurunan masing-masing sebanyak 9 dan 16 mata asas, didorong oleh jangkaan para pelabur bahawa ekonomi global akan mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan pada masa akan datang. Ini berikutan kadar inflasi global yang berada pada tahap kemuncak, ketegangan geopolitik dan keadaan pasaran kewangan global yang semakin tidak menentu. Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf AA berjangka 5 sehingga 10 tahun turut mencatatkan penurunan kadar hasil antara 30 sehingga 39 mata asas.

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024, Pengurus Pelaburan menjangkakan pasaran modal tempatan dan global akan terus mencabar, dipengaruhi oleh kemerosotan pertumbuhan ekonomi yang dijangka berlaku di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. IMF mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan iaitu 3.0% bagi tahun 2023 dan 2024 berbanding 3.5% bagi tahun 2022, didorong oleh kesan kenaikan agresif kadar faedah oleh bank-bank pusat antarabangsa terhadap permintaan global. Di samping itu, risiko ketegangan perang dagangan antara Amerika Syarikat dan China yang semakin meningkat turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dunia. Selain daripada faktor luaran, pasaran domestik turut dipengaruhi oleh risiko

pengurangan permintaan berikutan kenaikan kadar pembiayaan hutang oleh isi rumah serta sektor korporat yang secara langsung mengurangkan kecenderungan pengguna untuk berbelanja.

Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan akan terus memantau perkembangan ekonomi dan pasaran modal dengan aktif serta sentiasa melakukan pelarasan terhadap strategi pelaburan Tabung berdasarkan prestasi pasaran modal tempatan dan antarabangsa dengan sewajarnya. Tabung akan memberi tumpuan dalam kepelbagaian portfolio meliputi kelas-kelas aset seperti ekuiti, hartanah, sekuriti berpendapatan tetap dan wang tunai untuk membantu Tabung memberi pulangan yang kompetitif berbanding penanda aras serta mengurangkan risiko portfolio pelaburan pada masa yang sama. Pengurus Pelaburan akan terus melaksanakan perumpukan aset yang aktif dalam ekuiti setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global serta kadar pulangan pasaran saham. Pengurus Pelaburan juga mungkin mengambil posisi defensif dengan meningkatkan pelaburan dalam aset berisiko rendah seperti wang tunai jika berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran modal.

i. Ekuiti

(a) Domestik

Strategi pelaburan ekuiti domestik akan terus tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh di samping memberikan pulangan dividen yang stabil. Pelaburan ekuiti akan dilakukan secara selektif dalam usaha memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif dalam persekitaran pelaburan yang tidak menentu dan mencabar.

Antara sektor-sektor yang akan diberi tumpuan adalah sektor Barangan Asasi Pengguna yang berciri defensif dan memberikan pulangan dividen yang stabil, terutamanya Perladangan berikutan fenomena El Nino yang dijangka akan menjejaskan aktiviti perladangan dan seterusnya akan meningkatkan harga minyak kelapa sawit mentah. Pelaburan Tabung akan turut ditumpukan kepada sektor yang mempunyai prospek jangka panjang yang positif seperti sektor Teknologi Maklumat. Pengurus Pelaburan juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang mengalami kemaruapan untuk menjana keuntungan daripada penjualan saham.

(b) Antarabangsa

Pengurus Pelaburan akan turut melabur dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang akan dilaksanakan secara berhemah dan berperingkat mengikut kesesuaian keadaan ekonomi global dan kadar tukaran mata wang asing. Pelaburan antarabangsa akan dilakukan secara selektif, berdasarkan geografi yang ditentukan setelah membuat pertimbangan mengenai aliran geopolitik dan dagangan sedunia.

Pelaburan antarabangsa akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik serta kurang terkesan oleh kemelesetan ekonomi dunia seperti sektor Produk Pengguna dan sektor Penjagaan Kesihatan, khususnya segmen Farmaseutikal dan Teknologi Perubatan. Pengurus Pelaburan akan turut memberi perhatian terhadap sektor-sektor yang memberi pertumbuhan jangka panjang seperti industri semikonduktor dan perisian yang berkaitan dengan perkhidmatan AI, industri kenderaan elektrik dan teknologi tenaga hijau.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung. Pengurus Pelaburan akan memberi tumpuan kepada pelaburan sekuriti pendapatan tetap ekoran kenaikan kadar hasil yang ketara yang menjadikannya instrumen pelaburan yang lebih menarik. Pelaburan akan tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras, dengan mensasarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif dan berterusan kepada Tabung. Strategi pelaburan dalam sekuriti kerajaan, seperti MGS dan Government Investment Issues (GI) adalah lebih tertumpu kepada penjana keuntungan modal kerana bon terbitan kerajaan Malaysia mempunyai kecairan lebih tinggi berbanding bon korporat. Di samping itu, pelaburan dalam wang tunai akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023, berserta dengan nota-nota yang dikepalkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang telah diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang dinyatakan pada nota 2 laporan penyata kewangan dan Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambil kira pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Ogos 2023, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 19 September 2023.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengerusi

AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
19 September 2023

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada para pemegang unit **AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pernyataan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
19 September 2023

Laporan penyata kewangan

Pendapat

Ringkasan penyata kewangan, yang merangkumi penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Ogos 2023, dan nota-nota yang berkaitan, berasal dari penyata kewangan yang diaudit AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN ("Unit Amanah") untuk tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023.

Pada pendapat kami, ringkasan penyata kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit, sesuai dengan keperluan pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC untuk pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia.

Ringkasan penyata kewangan

Ringkasan penyata kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh SC ("Spesifikasi SC") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 pada ringkasan penyata kewangan dan Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia. Oleh itu, bacaan ringkasan penyata kewangan dan laporan juruaudit di atasnya bukanlah pengganti untuk penyata kewangan Unit Amanah yang diaudit dan laporan juruaudit di atasnya.

Penyata kewangan yang diaudit dan laporan kami di atasnya

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai mengenai penyata kewangan yang diaudit dalam laporan kami bertarikh 19 September 2023.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Unit terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan penyata kewangan bersesuaian dengan syarat pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC mengenai pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC tentang Dana Unit Amanah di Malaysia.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat samaada ringkasan penyata kewangan konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit berdasarkan prosedur kami, yang dijalankan sesuai dengan Piawaian Pengauditan yang Disetujui Malaysia (ISA) 810 (Disemak semula), "Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

Sekatan penggunaan

Laporan kami mengenai ringkasan penyata kewangan Unit Amanah untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Ogos 2023 dikeluarkan dengan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia dan tanpa tujuan lain.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
19 September 2023

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor

No. 03083/07/2025 J
Akauntan Bertauliah

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		118,041,234	102,872,710
Pendapatan dari PNB		-	107,700,000
Pendapatan dividen		716,038,254	647,588,587
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan (Kerugian)/Keuntungan bersih kadar tukaran asing		251,963,619 (1,571,359)	61,895,278 13,181,048
		<u>1,084,471,748</u>	<u>933,237,623</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	5	19,721,183	119,659,495
Yuran pemegang amanah	6	750,000	750,000
Ganjaran juruaudit		36,100	30,000
Yuran ejen cukai		4,700	4,700
Perbelanjaan pentadbiran		24,767,785	25,115,556
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga		-	13,612,000
		<u>45,279,768</u>	<u>159,171,751</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI		1,039,191,980	774,065,872
	7	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>1,039,191,980</u>	<u>774,065,872</u>
Pengagihan pelaburan	8	<u>1,055,408,030</u>	<u>882,252,589</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>4.50 sen</u>	<u>3.75 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 September 2023</u>	<u>1 September 2022</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		1,034,198,437	760,186,433
Tidak ternyata		4,993,543	13,879,439
		<u>1,039,191,980</u>	<u>774,065,872</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

	Nota	2023 RM	2022 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		1,039,191,980	774,065,872
Lain-lain pendapatan komprehensif		<u>-</u>	<u>-</u>
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN		<u>1,039,191,980</u>	<u>774,065,872</u>
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:			
Ternyata		1,034,198,437	760,186,433
Tidak ternyata		4,993,543	13,879,439
		<u>1,039,191,980</u>	<u>774,065,872</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.3 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2023**

	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	6,846,191,070	6,402,067,380
Pembelian pelaburan	(6,613,249,465)	(6,532,759,293)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	248,107,141	50,000,000
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(30,000,000)	(248,107,141)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	135,719,922	275,669,894
Pendapatan dividen diterima	713,319,191	640,956,410
Pembayaran yuran pengurusan	(240,142,273)	(119,353,940)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(750,000)	(750,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(24,783,569)	(25,146,700)
Tunai bersih dihasilkan dalam aktiviti operasi dan pelaburan	<u>1,034,412,017</u>	<u>442,576,610</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	1,187,800,000	903,100,000
Pengagihan dibayar	(882,252,589)	(919,060,047)
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(1,579,200,000)	(418,700,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(1,273,652,589)</u>	<u>(434,660,047)</u>
(PENGURANGAN)/PENAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
	(239,240,572)	7,916,563
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		
	1,857,679,912	1,836,582,301
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		
	<u>1,616,867,981</u>	<u>1,857,679,912</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	507,336,893	237,262,561
Deposit dengan institusi kewangan	1,139,531,088	1,868,524,492
	1,646,867,981	2,105,787,053
Tolak:-		
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	(30,000,000)	(248,107,141)
	<u>1,616,867,981</u>	<u>1,857,679,912</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.4 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 OGOS 2023

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 14 Ogos 1996, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, Amanah Raya Trustee Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 2 September 1996, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 23 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 19 September 2023.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Garis Panduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan spesifikasi khusus di mana Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan spesifikasi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

Entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 September 2022 adalah tertakluk kepada MFRSs yang baru dan telah disemak semula tanpa memberi kesan kepada penyata kewangan Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(b) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam saham disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi tidak melebihi 50% kepentingan ekuiti. Unit Amanah tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap syarikat pelaburannya kerana Unit Amanah tidak (i) mempunyai perwakilan dalam lembaga pengarah entiti ini; dan (ii) mengambil bahagian dalam proses pembuatan dasar mereka. Sebagai tambahan, Unit Amanah tidak terlibat dalam pembuatan keputusan untuk tujuan menggunakan hak suara dalam mesyuarat agung entiti-entiti ini.

(iii) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan dinyatakan pada kos.

(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(d) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(e) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akruan menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

(g) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Penyata Untung atau Rugi.

Transaksi bukan kewangan pada nilai saksama yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditentukan. Transaksi bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata asing tidak ditukarkan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penukaran transaksi bukan

keuangan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada transaksi bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(h) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana risiko dalam perubahan nilai adalah tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot nilai telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa, pengiktirafan rosot nilai pelaburan direkodkan sebanyak RM Tiada (2022: RM13,612,000).

5. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1, Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah. Pada tahun ini, pihak Lembaga Pengarah telah meluluskan pengurangan sebanyak RM 220 juta (2022: RM122.20 juta).

Yuran pengurus dikenakan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023 sebanyak 0.08% (2022: 0.51%) daripada NAB Unit Amanah.

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023 ditetapkan pada RM750,000 (2022: RM750,000).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2023 RM	2022 RM
Peruntukan pengagihan	1,055,408,030	882,252,589

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Ogos 2023 sebanyak 4.50 sen (2022: 3.75 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	118,041,234	102,872,710
Pendapatan dari PNB	-	107,700,000
Pendapatan dividen	716,038,254	647,588,587
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	251,963,619	61,895,278
Kerugian bersih ternyata kadar tukaran asing	(6,564,902)	(698,391)
Keuntungan ternyata daripada tahun-tahun sebelumnya	<u>21,209,593</u>	<u>122,066,156</u>
	1,100,687,798	1,041,424,340
Tolak: Perbelanjaan Jumlah pengagihan	<u>(45,279,768)</u>	<u>(159,171,751)</u>
	<u>1,055,408,030</u>	<u>882,252,589</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	<u>4.50 sen</u>	<u>3.75 sen</u>

9. MODAL PEMEGANG UNIT

	2023		2022	
	Unit	RM	Unit	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	<u>23,533,100,000</u>	<u>23,533,100,000</u>	<u>23,031,100,000</u>	<u>23,031,100,000</u>
Penjadian unit untuk:				
Jualan	318,700,000	318,700,000	230,700,000	230,700,000
Pelaburan semula pengagihan	851,500,000	851,500,000	690,000,000	690,000,000
Pembatalan unit	(1,579,200,000)	(1,579,200,000)	(418,700,000)	(418,700,000)
Pada akhir tahun	<u>23,124,100,000</u>	<u>23,124,100,000</u>	<u>23,533,100,000</u>	<u>23,533,100,000</u>

10. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tahun berakhir 31 Ogos 2023, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Ogos 2023, PNB secara sah memegang 174,755,892 unit (2022: 70,018,393 unit), merangkumi 0.76% (2022: 0.30%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
KAF Equities Sdn. Bhd.**	218,376,886	9.85	48,988	4.17
CIMB Bank Berhad**	190,099,554	8.57	-	-
Malayan Banking Berhad*	188,044,589	8.48	-	-
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	186,331,090	8.40	78,401	6.67
CGS-CIMB Securities Sdn. Bhd.**	178,916,702	8.07	59,943	5.10
JP Morgan Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	153,599,259	6.93	90,318	7.68
UBS Securities Malaysia Sdn. Bhd.	129,589,016	5.84	93,791	7.98
Citigroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	116,813,348	5.27	170,455	14.50
AmlInvestment Bank Berhad **	113,138,931	5.10	45,070	3.83
Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	106,538,711	4.80	123,283	10.49
Lain-lain	636,068,164	28.69	465,394	39.58
	<u>2,217,516,250</u>	<u>100.00</u>	<u>1,175,643</u>	<u>100.00</u>

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat berkenaan.

** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2023	2022
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.27 kali	0.27 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2023	2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.19%	0.63%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar pendapatan dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur yang teliti.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Tukaran Mata Wang

Risiko mata wang ialah risiko bahawa nilai instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar pertukaran asing. Dana melabur dalam sekuriti patuh Syariah dan pelaburan lain yang didenominasikan dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian. Sehubungan itu, nilai aset Dana mungkin terjejas baik atau tidak baik oleh turun naik dalam kadar mata wang dan oleh itu tertakluk kepada risiko pertukaran asing.

Risiko Kecairan / Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Pendapatan

Risiko kadar pendapatan adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar pendapatan yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar pendapatan pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar pendapatan secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar pendapatan dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko di mana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

15. LAPORAN BERSEGMEN

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

16. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN		
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Persiaran Perdana, 62675 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya	
SELANGOR		
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor , 45000 Kuala Selangor , Selangor	
MELAKA		
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	NEGERI SEMBILAN	
	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan	
PERAK		
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak	
PAHANG		
No. 71 & 73, Tingkat Bawah , Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang	
PULAU PINANG		
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang	
PERLIS		
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	TERENGGANU	
	No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	
KEDAH		
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah	
JOHOR		
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Badar Penggaram 83000 Batu Pahat Johor	Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 Johor Bahru Johor	
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor		

KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 Kota Kinabalu , Sabah	TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 Tawau , Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri , Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 Limbang , Sarawak
4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 Sri Aman , Sarawak	Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibu , Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB

201-A, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya

No. 2, Jalan Ampang

50508 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129/5003

FAKS

03-2072 0320

EMEL

art@arb.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

